



**KOLEJ ISLAM
AS SOFA**

كلية الصفا الإسلامية بمباثريا

PANDUAN PENDAFTARAN

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.0 Pengenalan Institusi	2-3
i-Visi	
ii-Misi	
iii-Falsafah	
iv-Moto	
2.0 Pendahuluan	4-5
2.1 Penerimaan Kemasukan	
3.0 Senarai Semak Setelah Terima Tawaran	6-10
3.1 Keterangan	
4.0 Senarai semak dokumen yang perlu dibawa	10-11
5.0 Program yang di tawarkan di KIS	11-12
6.0 Maklumat Pembiayaan Dan Pinjaman Pelajaran	12-13
7.0 Etika Penampilan Pelajar	14-16
7.1 Panduan Penampilan Pelajar Lelaki	
7.2 Panduan Penampilan Pelajar Perempuan	
8.0 Sahsiah Rupa Diri Pada Hari Pendaftaran	17
9.0 Maklumat Penting	17-20
9.1 Pertukaran Program	
9.2 Penarikan Diri Selepas Mendaftar	
9.3 Kemudahan Penginapan	
10.0 Peta Lokasi	21

1.0 PENGENALAN

Kolej Islam As-Sofa telah didaftarkan secara rasmi di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 pada 14 Mei 2013 dengan nombor pendaftaran B4P4119. Penubuhan Kolej Islam As-Sofa adalah berbekalkan semangat dan hasrat untuk mewujudkan sebuah institusi pendidikan tinggi yang membawa aspirasi Islam yang sejati dengan berteraskan manhaj Ahli Sunnah wal Jamaah yang murni, sesuai dengan status dan imej Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang disegani seantero dunia. Kolej ini menekankan kepada pendidikan agama dan akhlak yang murni, dengan pendekatan *wasatiyyah* dan *ilmiyyah*, bagi memupuk keterampilan intelektual dan nilai-nilai yang mulia.

Nama kolej, Kolej Islam As-Sofa, menggambarkan hasrat dan cita-cita murni tersebut. Secara definisi, istilah 'Kolej' membawa maksud sebuah institusi pendidikan tinggi yang menawarkan program pengajian di peringkat persijilan, diploma dan ijazah sarjana muda, khususnya bagi para pelajar lepasan SPM/STPM/STAM melanjutkan pendidikan. Perkataan 'Islam' pula bermaksud agama Allah *Subhanahu wa ta'ala* yang dibawa oleh Nabi Muhammad *sallallahu 'alayhi wasallam*, dan itu merupakan asas dan tonggok utama dalam penubuhan kolej ini. Segala yang dirangka dan dilaksanakan akan berlandaskan kepada panduan syariat Allah *Subhanahu wa ta'ala* dan panduan sunnah Nabi Muhammad *sallallahu 'alayhi wasallam*. Justeru, semua program yang ditawarkan oleh pihak kolej sama ada program *diniyyah* (keagamaan) atau pun program akademik pasti akan mengutamakan dan meletakkan asas-asas ilmu Islam sebagai teras di dalam silibusnya. Istilah 'As-Sofa' pula adalah istilah yang berasal daripada bahasa Arab yang membawa maksud suci dan murni. Pemilihan nama ini melambangkan komitmen kolej ini kepada faham ilmu dan pengetahuan yang murni dan suci serta bebas daripada sebarang penyelewengan dan pelampauan.

MISI, VISI, FALSAFAH DAN MOTO

i. VISI

Menjadi pusat kecemerlangan ilmu duniawi dan ukhrawi

ii. MISI

- Menjadikan pengajian berasaskan Islam sebagai teras pegangan dan etika hidup
- Memikul tanggungjawab mengekalkan warisan Islam, menyebarkan nilai-nilai tulen Islam mengikut luras yang tepat dan syumul demi mencapai kemajuan serta kebajikan manusia sejagat
- Melahirkan sarjana dan cendekiawan Islam yang lengkap dengan ilmu asas dan graduan Islam
- Menanam ajaran Islam di hati dan minda Muslim serta mengekal warisan budaya untuk manfaat umat.

iii. FALSAFAH

Kesepaduan antara Ilmu, dan Amal berasaskan al-Quran dan al-Sunnah yang menjadi dasar

kearah melahirkan insan yang bertaqwa dan berketrampilan yang akan menyambung kepada kesejahteraan diri, masyarakat dan negara.

iv. MOTO

“ Berilmu Beramal Berbakti ”

Moto ini dipilih sebagai peringatan berterusan kepada semua warga Kolej Islam agar tekun menimba ilmu disusuli dengan penghayatan ilmu tersebut dalam kehidupan serta perjuangan untuk memakmurkan masyarakat dan negara berdasarkan ilmu yang benar.

MAKLUMAT PENDAFTARAN PELAJAR


2.0 PENDAHULUAN

Tahniah diucapkan kepada anda kerana terpilih untuk mengikuti program pengajian di Kolej Islam As Sofa. Sila baca makluman berikut dengan teliti dan ambil tindakan yang sewajarnya agar proses pendaftaran anda dapat berjalan dengan lancar dan seterusnya memulakan pengajian dengan selesa.

2.1 PENERIMAAN TAWARAN KEMASUKAN

Sekiranya anda menerima tawaran kemasukan, anda perlu membuat pengesahan setuju terima dengan mengisi **BORANG PENGESAHAN PENERIMAAN TAWARAN**. Pengesahan penerimaan tawaran ini perlu dimaklumkan selewat-lewatnya 14 hari (14) hari sebelum dari pendaftaran. Rujuk carta alur Pendaftaran Baru :

CARTA ALUR PENDAFTARAN BARU



SENARAI SEMAK SETELAH MENERIMA TAWARAN

3.0 Senarai semak sesi pendaftaran

Sila tandakan (/) setelah meneliti setiap perkara berikut :

1	Mencetak surat tawaran yang di e-mailkan/ surat yang diposkan ke alamat rumah bakal pelajar	
2	Menghantar Borang Pengesahan Penerimaan Tawaran (BPPT-01-2/D/KIS/2015) berserta Salinan Keputusan SPM selewat-lewatnya 14 hari sebelum tarikh hari pendaftaran	
3	Lengkapkan borang-borang yang perlu di isi dan dibawa semasa hari pendaftaran : a) Borang maklumat pelajar (BMP-02/D/KIS/2015) – 2 salinan b) Borang pemeriksaan kesihatan (BPK-03/D/KIS/2015)- 2 salinan c) Borang borang permohonan pendaftaran asrama (Borang HEM-AS(01) d) Perjanjian jaminan tata tertib e) Ikrar penghuni asrama f) Borang MPPKIS (BKMP-06/D/KIS/2015) g) Borang kad matrik pelajar (BMK-07/D/KIS/2015)	
4	Menjelaskan bil yuran pendaftaran dan pengajian sebelum hari pendaftaran.	
5	Membuat pemeriksaan kesihatan di Klinik/Hospital Kerajaan atau Klinik/hospital Swasta	
6	Penyediaan gambar berukuran pasport sebanyak empat (4) keping	
7	Melapor diri pada hari pendaftaran seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran.	

3.1 KETERANGAN :

3.1.1 Surat Tawaran :

1 . Pihak Kolej Islam As-Sofa akan menghantar **SURAT TAWARAN BERSYARAT** kepada semua bakal pelajar yang telah menghantar permohonan. Surat Tawaran Bersyarat ini akan dihantar melalui e-mail bakal pelajar yang dinyatakan

dalam borang permohonan **atau** di poskan ke alamat bakal pelajar jika tiada alamat e-mail.

2. Surat Tawaran Bersyarat bermaksud bakal pelajar perlu memenuhi **MINIMUM** syarat kemasukan yang dikehendaki oleh **Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)** iaitu :

Bagi Program Diploma Usuluddin/Syariah Islamiyyah/Al-Quran dan Qiraat

Minimum :

- **Tiga (3) kredit** – apa-apa matapelajaran dalam Sijil Pelajaran Malayisa **DAN**
- **LULUS** – Pengajian Islam atau Bahasa Arab

Bagi Program Diploma Kewangan Dan Perbankan Islam

Minimum:

- **Tiga (3) kredit** – apa-apa matapelajaran dalam Sijil Pelajaran Malayisa **DAN**
- **LULUS** – Matematik

3.1.2 Borang Penerimaan Tawaran:

1. Bakal pelajar yang memenuhi syarat minimum tersebut perlu menghantar/mengembalikan Borang Pengesahan Penerimaan Tawaran (BPPT-01-2/D/KIS/2015) bersama salinan keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk semakan oleh Unit Kemasukan dan Rekod KIS.

3.1.3 Borang Yang Perlu Dilengkapkan

1. Bakal pelajar perlu memuatnaik dan cetak borang yang dikehendaki di e-mail yang dihantar atau yang dihantar bersama surat tawaran yang di poskan :

- A) Borang Maklumat Pelajar (BMP-02/D/KIS/2015) – 2 Salinan
- B) Borang Pemeriksaan Kesihatan (BPK-03/D/KIS/2015)- 2 Salinan
- C) Borang Borang Permohonan Pendaftaran Asrama (Borang HEM-AS(01)
- D) Perjanjian Jaminan Tatatertib
- E) Ikrar Penghuni Asrama

F) Borang MPPKIS (BKMP-06/D/KIS/2015)

G) Borang Kad Matrik Pelajar (BMK-07/D/KIS/2015)

2. Borang-borang tersebut perlu dilengkapkan dan perlu dibawa pada hari pendaftaran.

3.1.4 Bil Yuran Pendaftaran DAN Pengajian

1. Bil pendaftaran dan yuran pengajian boleh dijelaskan di mana-mana Cawangan Cimb Bank Berhad sebelum mendaftar.
2. Sila pastikan salinan resit bayaran bank dibawa pada hari pendaftaran untuk diserahkan ke Kaunter Kewangan KIS, bagi mengelakkan sebarang masalah pembayaran.
3. Kaunter Kewangan KIS akan disediakan bagi mereka yang tidak membuat pembayaran di Kaunter Cimb Bank Berhad.
4. Terdapat lima(5) jenis yuran yang perlu dijelaskan oleh semua pelajar baru seperti berikut:
 - i) Yuran pengajian
 - ii) Yuran Asrama
 - iii) Yuran Pendaftaran
 - iv) Yuran Cagaran Asrama
 - v) Yuran MPPKIS

Kaedah pembayaran yuran boleh dibuat melalui saluran berikut:

- i) Pembayaran secara tunai di Kaunter CIMB Berhad atau Mesin ATM
- ii) Nombor Akaun CIMB Bank: **WINNING PREFERENCE SDN BHD** bagi tujuan pembayaran yuran ialah **8600300380**
- iii) Pelajar perlu memberi satu salinan slip pembayaran deposit tunai (slip bank) ke Kaunter Kewangan semasa hari pendaftaran.
- iv) Pelajar **WAJIB** menulis maklumat seperti **NAMA PELAJAR, NOMBOR KAD PENGENALAN** dan **NOMBOR YANG BOLEH DIHUBUNGI** pada salinan slip pembayaran deposit tunai (slip bank) tersebut bagi memudahkan pihak Jabatan Bendahari

JADUAL YURAN DAN BAYARAN PENDAFTARAN PELAJAR BARU

PROGRAM	YURAN PENDAFTARAN	YURAN ASRAMA	YURAN PENGAJIAN
DIPLOMA SYARIAH ISLAMIYYAH (MQA/FA1781)	RM1,000	RM600/semester	RM2,500/semester
DIPLOMA USULUDDIN (MQA/FA 2047)	RM1,000	RM600/semester	RM2,500/semester
DIPLOMA KEWANGAN DAN PERBANKAN ISLAM (MQA/PA 2658)	RM1,000	RM600/semester	RM2,500/semester
DIPLOMA TAHFIZ AL- QURAN DAN QIRAAT (MQA/PA 4158)	RM1,000	RM600/semester	RM2,500/semester
MIFTAH AL-ILMI (SIJIL KEMAHIRAN)	RM395	RM400	RM1480/4 bulan

Nota:

- i) Bayaran Khas Program-(mengikut keperluan program)
Pelajar dinasihatkan untk bersedia dengan lain-lain bayaran khas kursus(mengikut keperluan) yang diperlukan bagi membiayai projek sepanjang pengajian.

3.1.5 Pemeriksaan Kesihatan

1. Pemeriksaan Kesihatan boleh dibuat di Klinik/Hospital Kerajaan atau Klinik/hospital Swasta. Perlu bawa bersama Borang Pemeriksaan Kesihatan (BPK-03/D/KIS/2015).
2. Sila buat satu (1) salinan untuk dibawa bersama semasa hari pendaftaran.

3.1.6 Penyediaan Gambar

1. sila sediakan empat (4) keping gambar berukuran pasport dan bawa pada hari pendaftaran

3.1.7 Melapor Diri

1. Melapor diri pada masa dan tarikh yang telah ditetapkan di dalam surat tawaran
2. Jika menghadapi masalah yang tidak dapat dielakkan, sila hubungi pihak pentadbiran untuk makluman.

SENARAI SEMAK DOKUMEN YANG PERLU DIBAWA PADA HARI PENDAFTARAN & KAUNTER PENYERAHAN

4.0 Senarai Semak Dokumen :

1	KAUNTER PENDAFTARAN (KAUNTER 1)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Salinan Borang Pengesahan Penerimaan Tawaran (BPPT-01_2/D/KIS/2015) 2. Borang Maklumat Pelajar (BMP-02/D/KIS/2015) 3. Borang Pemeriksaan Kesihatan (BPK-03/D/KIS/2015) 4. Salinan kad pengenalan pelajar/ibu/bapa/penjaga 5. salinan sijil kelahiran pelajar 6. salinan sijil/slip Keputusan SPM 7. Salinan sijil berhenti Sekolah 8. Salinan dokumen ko-kurikulum yang berkaitan 9. Salinan slip gaji/ kad pesara/penyata pencen/surat pengesahan pendapatan ibu/bapa/penjaga
2	KAUNTER KEWANGAN (KAUNTER 2)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Salinan resit pembayaran 2. Bayaran bagi Pengajian 2 & 3 Tahun : <ol style="list-style-type: none"> a) Bayaran pendaftaran RM 1000.00 b) Yuran pengajian RM 2,500.00/semester c) Yuran asrama RM 600.00/semester yuran cagaran asrama RM 50.00 (akan dikembalikan sekiranya tidak menetap di asrama) 3. Deposit atau tranfer hendaklah atas nama WINNING PREFERENCE SDN BHD 86-0030038-0 (CIMB)
3.	KAUNTER HEP	<ol style="list-style-type: none"> 1. Salinan Borang Maklumat Pelajar (BMP-

	(KAUNTER 3)	02/D/KIS/2015) 2. Salinan Borang Pemeriksaan Kesihatan (BPK-03/D/KIS/2015) 3. Borang Pendaftaran Asrama (Borang HEM-AS(01) 4. Perjanjian Jaminan Tatatertib
4	Kaunter Persatuan Majlis Perwakilan Mahasiswa Islam As-Sofa (PMPMKIS)	1. Borang MPPKIS (BKMP-06/D/KIS/2015) 2. Yuran RM50.00
5	Kaunter Kad Matrik	1. Borang Kad Matrik Pelajar (BKM-07/D/KIS/2015)

Nota penting:

1. Sila bawa bersama borang-borang yang telah diisi semasa hari Pendaftaran. Kegagalan untuk mengemukakan borang tersebut akan menyebabkan pendaftaran akan tertunggak;
2. Sila ambil maklum borang-borang yang telah dilengkapkan dengan tidak mengikut peraturan atau terlalu banyak kesilapan akan ditolak dan dikembalikan.
3. Rujuk kepada Buku Panduan Pendaftaran untuk lain-lain keperluan.

PROGRAM YANG DITAWARKAN DI KIS

5.0 Program Yang Ditawarkan :

PROGRAM/DIPLOMA/ KURSUS	TEMPOH PENGAJIAN MINIMUM (TAHUN)	TEMPOH PENGAJIAN MAXIMUM(TAHUN)
USULUDDIN	2 (6 SEMESTER)	3 (8 SEMESTER)
SYARIAH ISLAMIYYAH	2 (6 SEMESTER)	3 (8 SEMESTER)
KEWANGAN & PERBANKAN ISLAM	2 (6 SEMESTER)	3 (8 SEMESTER)
AL-QURAN & QIRAAT	3 (6 SEMESTER)	4 (8 SEMESTER)
MIFTAH AL-ILMI	17 Minggu	-

NOTA : * Tertakluk kepada program pengajian dan syarat bergraduasi

Selepas menamatkan pengajian di peringkat diploma, para pelajar Kolej Islam As-Sofa, Ampang boleh memilih untuk melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda di dalam dan luar negara mengikut kepakaran pengkhususan program :

- a. Institusi pengajian tinggi awam/swasta tempatan
- b. Luar negara
 - i. Institut Agama Islam Negeri Sulthan Thaha Saifuddin Jambi, Indonesia
 - ii. Universiti Mohammed V, Agdal, Maghribi
 - iii. Universiti Al-Quran Al-Karim dan Ilmu-Ilmu Islam, Sudan
 - iv. Universiti Yarmouk, Jordan
 - v. Universiti Islam Negeri Sultan Syarif Kasim, Riau, Indonesia

MAKLUMAT PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN PELAJARAN

6.0 Maklumat Pembiayaan Dan Pinjaman Pelajaran

6.1 Kis **TIDAK** menyediakan biasiswa atau sebarang bantaun kewangan. Oleh yang demikian anda hendaklah memohon sendiri untuk mendapatkan biasiswa/pinjaman/bantuan kewangan daripada penaja berkenaan. Anda dibenarkan menerima SATU tajaan sahaja sepanjang tempoh pengajian di KIS.

a) Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

Pihak Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional(PTPTN) menyediakan pinjaman pendidikan untuk pelajar KIS yang mengikuti program Diploma. Sila pastikan memenuhi keperluan berikut sebelum membuat permohonan secara on-line di <http://www.ptptn.gov.my/>

- Memenuhi syarat-syarat permohonan pembiayaan pendidikan PTPTN.
- Membeli nombor pin di Bank Simpanan Nasional (BSN). No PIN hanya sah dalam tempoh 6 bulan bermula dari tarikh pembelian No PIN di Bank Simpanan Nasional(BSN) sehingga tarikh pendaftaran permohonan online.
- Membuka Akuan Simpanan Persendirian di Bank Islam Berhad.
- Para pelajar yang ingin memohon pembiayaan pendidikan PTPTN adalah diwajibkan mempunyai akaun SSPN dengan Simpanan Minimum sebanyak RM20.00
- Mempunyai e-mail yang sah bagi urusan rasmi PTPTN.
- Menyelesaikan keseluruhan hutang pembiayaan pendidikan terdahulu sekiranya pernah mendapat pembiayaan pendidikan PTPTN

- Untuk maklumat lanjut, sila layani laman web ptptn di <http://www.ptptn.gov.my>

(PERINGATAN)

Untuk pembiayaan PTPTN sila sediakan (1) salinan kad pengenalan, sijil SPM, surat tawaran kemasukan, muka depan buku akuan Bank Islam dan slip gaji ibu dan bapa/penjaga atau surat pengesahan pendapatan yang telah disahkan oleh pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

b) Majlis Amanah Rakyat (MARA)

Pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA) menyediakan pinjaman pendidikan untuk pelajar KIS yang mengikuti program Diploma. Permohonan hendaklah dikemukakan melalui sistem online eEduloan yang boleh dicapai di <http://eduloan.mara.gov.my> . Pelajar yang layak akan ditawarkan pinjaman meliputi yuran pengajian, elaun sara hidup, elaun buku, elaun perkakas, elaun kertas projek dan elaun tesis.

c) Penaja Pinjaman Pendidikan Lain

Selain daripada PTPTN dan MARA sebagai penaja utama, pinjaman pendidikan, pelajar juga boleh memohon pinjaman dari pelbagai pihak seperti badan-badan berkanun, kerajaan negeri dan syarikat swasta dengan sendiri. Segala urusan pengambilan borang dan penghantaran mesti diuruskan sendiri oleh pelajar. Pihak KIS hanya akan menyediakan surat tawaran dan dokumen-dokumen lain yang diperlukan sahaja.


ETIKA PENAMPILAN PELAJAR

7.0 Secara umumnya pelajar hendaklah sentiasa berpakaian kemas, bersih dan sopan. Peraturan yang ditetapkan semasa berada di dalam kawasan kampus adalah seperti berikut:

Pelajar Lelaki	Pelajar Perempuan
<ol style="list-style-type: none"> 1. Kemeja / baju-T berkolar 2. Seluar panjang (slack) yang tidak ketat . 3. Seluar jeans dilarang 4. Memakai tali-leher pada hari Isnin 5. Kasut yang sesuai dan berstokin 6. Selipar, terompah, capal dilarang 7. Rambut pendek dan kemas 8. Aras belakang rambut tidak melebihi paras kolar baju 9. Aras depan rambut tidak melebihi dahi 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Baju kurung /jubah yang longgar 2. Kasut yang sesuai dan berstokin 3. Tudung hendaklah tidak jarang dan melebihi paras dada. 4. Selendang/shawl adalah dilarang sama sekali


** Jika tidak berpakaian kemas mengikut peraturan, pelajar tidak dibenarkan memasuki Dewan Kuliah, Pejabat, Majlis Rasmi dan akan dikenakan tindakan disiplin/ kompaun.

PANDUAN PEMAKAIAN PELAJAR LELAKI

**PERATURAN UMUM**

1. Semua pelajar diwajibkan memakai kad matrik sepanjang berada di kolej sewaktu sesi perkuliahan
2. Setiap pelajar hendaklah berambut pendek, kemas, rambut hadapan tidak melebihi paras kening dan tidak berfesyen .
3. Jika tidak berpakaian kemas mengikut peraturan, pelajar tidak dibenarkan memasuki dewan Kuliah, Pejabat, Majlis Rasmi, dan akan dikenakan tindakan disiplin .
4. Hari Isnin pelajar diwajibkan untuk memakai tali leher.
5. Hari Jumaat pelajar digalakkan untuk memakai jubah atau baju melayu.

PANDUAN PEMAKAIAN PELAJAR PEREMPUAN

**PERATURAN UMUM**

1. Semua pelajar diwajibkan memakai kad matrik sepanjang berada di kolej sewaktu sesi perkuliahan.
2. Tudung berfesyen/selendang adalah dilarang sama sekali.
3. Jika tidak berpakaian kemas mengikut peraturan, pelajar tidak dibenarkan memasuki dewan Kuliah, Pejabat, Majlis Rasmi, dan akan dikenakan tindakan disiplin.

SAHSIAH RUPA DIRI PADA HARI PENDAFTARAN

8.0 Sahsia Rupa Diri

Anda dikehendaki mematuhi etika seperti berikut :

8.1 PELAJAR LELAKI

- . Pakaian Bersih dan kemas
- . Baju kemeja/ kemeja-T berkolar
- . Seluar panjang Slack (seluar jeans tidak dibenarkan)
- . kasut bertutup/sandal
- . Rambut kemas dan rapi/ berkopiah/bersongkok
- . Rambut tidak panjang (tidak melebihi kening, tidak menutupi telinga, dan tidak melebihi kolar baju)

8.2 PELAJAR PEREMPUAN

- . Pakaian bersih, kemas, longgar, tidak jarang dan tidak menjolok mata.
- . Berstokin kaki
- . Bertudung
- . Baju yang di pakai longgar dan labuh yang menutup punggung

MAKLUMAT PENTING

9.0 Maklumat Penting**9.1 PERTUKARAN PROGRAM PENGAJIAN**

Pertukaran program pengajian hanya dibenarkan berdasarkan peraturan berikut:

- a) Permohonan hendak dibuat sebelum pendaftaran kursus di Hal Ehwal Akademik
- b) Program pengajian yang dimohon adalah memenuhi syarat kemasukan dan kelayakan yang dimiliki oleh pemohon
- c) Pertukaran hanya dibenarkan kepada program yang tidak melibatkan proses temuduga kemasukan.

Pertukaran program pengajian hanya boleh dilakukan setelah mendapat kebenaran bertulis dari Pengarah Akademik beserta dengan sokongan program dengan mengisi Borang Pertukaran di Hal Ehwal Akademik.

9.2 PENARIKAN DIRI SELEPAS MENDAFTAR

9.2.1 Prosedur Penarikan Diri

a) Permohonan penarikan diri hendaklah **dikemukakan secara bertulis** dan diluluskan oleh Pengarah Akademik. Mahasiswa/i dikehendaki **mengisi Borang Berhenti** dari pengajian yang boleh didapati dari Pejabat Pentadbiran. Borang berhenti hendaklah **diisi dengan lengkap** oleh mahasiswa/i sendiri atau keluarga. Pihak KIS tidak akan menerima borang berhenti yang tidak dilengkapkan sepenuhnya oleh pemohon.

b) Mahasiswa/i juga diminta berjumpa dengan Penyelaras Program terlebih dahulu sebelum mengisi borang berhenti.

9.2.2 Prosedur Pemulangan Pembayaran Yuran

a) Menarik diri dengan kelulusan selepas mendaftar atau menangguh semester sebelum berakhir minggu ke-2 semester.

Bayaran yang tidak akan dikembalikan

- Yuran Pendaftaran
- Yuran Minggu Haluan Siswa
- Yuran Tabung Kebajikan Pelajar
- Yuran Kad Matrik
- Fee Kemasukan

Bayaran yang akan dikembalikan (sekiranya telah dijelaskan sepenuhnya):-

- Cagaran Asrama dan Cagaran Perpustakaan
(resit asal atau surat akuan sumpah hendaklah dikemukakan)
- Yuran Asrama (yuran RM100.00 untuk bulan pertama dikenakan)
- Yuran Pengajian (100%)

b) Menarik diri dengan kelulusan atau menangguh semester antara minggu ke-3 hingga minggu ke-5.

Bayaran yang tidak akan dikembalikan

- Yuran Pendaftaran
- Yuran Minggu Haluan Siswa
- Yuran Tabung Kebajikan Pelajar
- Yuran Kad Matrik
- Fee Kemasukan

Bayaran yang akan dikembalikan (sekiranya telah dijelaskan sepenuhnya):

- Cagaran Asrama dan Cagaran Perpustakaan
- (resit asal atau surat akuan sumpah hendaklah dikemukakan)
- Yuran Asrama
- (yuran RM100.00 untuk bulan pertama dikenakan)
- Yuran Pengajian (75%)

c) Menarik diri atau menangguh semester selepas minggu ke5.

- Semua yuran bagi semester tersebut akan dikenakan

d) Perkiraan bayaran balik dan yuran yang dikenakan hanya akan dibuat berdasarkan tarikh kelulusan berhenti

- e) Bayaran akan disalurkan terus ke akaun BIMB atau CIMB pelajar sahaja.

9.3 KEMUDAHAN PENGINAPAN ASRAMA

Bagi memastikan para pelajar baru dapat menyesuaikan diri dengan sistem pembelajaran di KIS, mereka **DIWAJIBKAN** untuk tinggal di asrama yang disediakan. Manakala bagi pelajar senior semester 2 dan ke atas, mereka yang ingin kemudahan penginapan asrama perlu membuat permohonan pada setiap hujung semester. Tawaran penginapan adalah tertakluk kepada kekosongan tempat dan syarat kelayakan yang ditetapkan oleh pihak pengurusan asrama.


Untuk keselesaan pelajar baru, barangan-barangan berikut perlu disediakan sendiri:

- a) Bantal
- b) 1 helai selimut
- c) 1 set sarung bantal dan cadar
- d) Pakaian harian secukupnya untuk ke kuliah.
- e) Keperluan peribadi yang lain.

Penghuni asrama adalah tertakluk kepada peraturan dan dikehendaki mematuhi peraturan asrama. Sekiranya melanggar peraturan, tindakan tegas akan diambil.

PETA LOKASI

10.0 Peta Lokasi



KOLEJ ISLAM AS SOFA

Blok D-1-03, Jalan 16A, Desa Permai, Taman Dato Ahmad Razali, 68000 Ampang, Selangor .

Tel : 03 4266 4408 Faks : 03 4266 5408

www.assofacollege.edu.my